

Najib sedia beker'asama dengan Adnan

UM 30 SEP
KUALA PAHANG 29 Sept. — Naib P d n UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang bersedia bekerjasama dengan Datuk Adnan Yaakob selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri.

Katanya, sebagai Timbalan Pengerusi, beliau akan memberikan bantuan sebaiknya dalam mengendali UMNO negeri dan memantau keadaan politik semasa Pahang.

Beliau berkata, perubahan jawatan ini adalah perkara biasa dan berdasarkan keputusan prcsidn parti yang mahukan pemegang jawatan berkenaan sebelum ini, Tan Sri Khalil Yaakob memberi tumpuan kepada jawatannya sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Najib berkata demikian ketika ditemui selcpas merasmikan majlis perjumpaan pe-

mimpin bersama rakyat di Kampung Marhum di sini hari ini.

Pelantikan Najib sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang diumumkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir semalam.

Ketika mengumumkan perkara itu Dr. Mahathir berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan Khalil memberi tumpuan sepenuh masa sebagai Setiausaha Agung UMNO serta Menteri Penerangan.

Najib berkata, perubahan dalam jawatan-jawatan berkenaan akan terus menguatkan semangat ahli-ahli UMNO di Pahang dalam melaksanakan tugas masing-masing.